BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

Soalan 1 : Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata majmuk**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Sebagai ketua pengarah, beliau mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah hingga sembuh jika diberi cuti sakit dan tidak berada di tempat tumpuan awam, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘ Serangan Influenza Meningkat tetapi Terkawal’
Buku Teks Tingkatan 5, DBP, 2020

[8 *markah*]

Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat susunan biasa** *yang bergaris kepada* **ayat susunan songsang** *tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut.*

<u>Taman Kinabalu terletak di pantai barat negeri Sabah.</u> Taman Kinabalu terletak di hujung utara Banjaran Crocker dan membentuk tulang belakang tanah besar Sabah. <u>Taman ini menjadi lokasi pelbagai habitat termasuklah habitat pergunungan dan tanah rendah.</u> Taman Kinabalu juga dikenali sebagai syurga alam semula jadi kerana kawasan ini mempunyai kepelbagaian flora dan fauna yang unik serta tidak ternilai harganya. <u>Usaha mengekalkan keindahan flora dan fauna Taman Kinabalu penuh dengan pelbagai cabaran dan rintangan</u>. Oleh itu, kita harus bersama-sama menjaganya agar keaslian khazanah ini dapat dikekalkan sampai bila-bila.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Taman Kinabalu: Syurga Alam Semula Jadi’
Oleh Fred Tuh Yit Yu,
Dewan Kosmik, September 2022

[6 *markah*]

Soalan 3 : Penyuntingan

Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut*.

Bahan 1

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan di negara ini. Industri pertanian dan penternakan perlu mengoptimumkan penyelenggaraan teknologi terkini ke arah transformasi pertanian konvensional kepada pertanian moden yang berasaskan pengetahuan pintar. Dalam menghadapi cabaran tersebut, latihan kemahiran pertanian professional diperkenalkan untuk mempromosikan pertanian moden sebagai industri yang berguna sekali gus mampu memberi pulangan lumayan. Kerajaan amat galak petani mempelbagaikan produk pertanian mereka seperti ternakan hiasan ikan, tanaman buah-buahan tropika dan eko pelancongan.

'Pertanian, dan penternakan pintar pemangkin hasil lumayan'
Oleh Syarul Nataqain Baharum,
Berita Harian, 6 Ogos 2022

[5 *markah*]

Bahan 2

Daripada : luqman06@gmail.com
Kepada : hani05@gmail.com
Perkara : Manfaat-Manfaat Kaedah Pertanian Akuaponik

Hani,
Apa khabar awak dan keluarga disana? Saya dan keluarga sihat-sihat sahaja. Saya ingin berkongsi sedikit berita tentang tanaman akuaponik seperti yang ditanya oleh saudari tempoh hari. Kaedah pertanian ini tidak menggunakan baja kimia merbahaya sebaliknya hanya menggunakan baja dari sisa perkumuhan ikan ternakan. Antara ikan-ikan air tawar yang sering digunakan dalam kaedah ini ialah ikan keli, ikan talapia dan belut. Teknologi akuaponik ini perlu diperluas kepada komuniti di bandar bagi meningkatkan pengeluaran hasil agropertanian.

Saya berharap informasi manfaat-manfaat tanaman akuaponik ini dapat bantu awak. Sehingga kita bertemu lagi.

Yang benar,
Luqman

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penanaman akuaponik dalam rumah hijau'
Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus, *Harian Metro*,16/02/2020

[6 *markah*]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, "Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya."

Dipetik dan diubah suai daripada *Kepimpinan Melalui Teladan*
dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

Soalan 5 : Peribahasa

Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **dua** *peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.*

Setelah hidupnya senang, Kak Timah bersikap sombong dengan jiran-jirannya yang banyak membantu selama ini. Mak Gayah amat sedih dengan perubahan sikap Kak Timah yang diumpamakan _____(i)_____. Walhal, jirannya itulah yang banyak menolongnya ketika hidupnya susah dahulu. Mak Gayah jugalah yang menjadi pengasuh kepada anak-anak Kak Timah. Anak-anak Kak Timah dijaga dengan penuh perhatian dan kasih sayang oleh Mak Gayah bagai _____(ii)_____. Sudah beberapa kali juga Mak Gayah menasihati Kak Timah supaya merubah sikap, namun tindakan Mak Gayah tidak pernah diendahkan oleh Kak Timah. Mak Gayah hanya mampu berdoa.

[4 *markah*]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 Markah]

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Pada era pascamerdeka ini, negara kita semakin disanjung tinggi oleh negara-negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek. Dalam konteks ini terdapat beberapa faktor mendorong kemasukan pelancong luar ke negara kita termasuklah kemudahan pengangkutan yang semakin maju. Antara kemudahan pengangkutan yang terdapat di negara kita termasuklah Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta api elektrik, teksi dan bas. Pada masa yang sama, kemudahan membeli-belah yang disediakan juga menggalakkan pelancong berkunjung ke Malaysia. Mereka dapat berbelanja atau mendapatkan cenderamata untuk dibawa pulang ke negara mereka. Barang-barang yang terdapat di situ juga dijual pada harga yang berpatutan.

Di samping itu, pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar merupakan aset penting dalam industri pelancongan. Kemajuan industri pelancongan tanah air turut dibantu oleh wujudnya keunikan budaya di negara kita kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk. Dalam hal ini, gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina dan India telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Tumpuan Pelancong'
oleh Sofea Suhaimi,
Dewan Siswa , Oktober 2015

Bahan 2

Dalam usaha mempromosikan keindahan pulau-pulau di Malaysia, kerajaan akan menjadikan industri pelancongan sebagai *sumber perolehan* baharu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Pengumuman langkah-langkah proaktif ekonomi baru-baru ini, telah menyaksikan peruntukan tambahan RM80 juta untuk memperhebat aktiviti promosi pelancongan dalam pasaran terpilih termasuklah di negara-negara ASEAN, China dan India. Langkah ini melibatkan program yang dapat membangunkan produk ikonik termasuklah memberikan nafas baharu kepada Muzium Negara, Tugu Negara dan Taman Tasik Perdana yang seterusnya, menjadikan tempat tersebut sebagai satu destinasi yang lebih menarik dan mudah dikunjungi oleh pelawat.

Kerajaan juga melancarkan Kempen Cuti-Cuti Malaysia untuk menggalakkan kedatangan pelancong. Industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memperkukuh kepelbagaian ekonomi Malaysia yang telah memanfaatkan rakyat secara keseluruhannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sektor pelancongan beri sumbangan ketara kepada ekonomi negara'
Berita Harian, Oktober 2015

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sumber perolehan*.

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemasukan pelancong luar ke negara kita.

[3 *markah*]

(iii) Aktiviti melancong merupakan salah satu aktiviti riadah yang menarik. Kita boleh memilih untuk melancong di dalam negara atau di luar negara.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah melancong?

[3 *markah*]

(iv) Anda telah pergi melancong bersama dengan keluarga di sebuah kawasan pelancongan. Namun, banyak kemudahan di kawasan pelancongan tersebut tidak dapat digunakan akibat perbuatan segelintir pengunjung yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai pengunjung yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang dapat dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

[4 *markah*]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

31 Ogos 1957 - Ketika bulan merdeka sangat terang di langit, kami beriktikaf di surau. Sesuai dengan semangat *warisan moyang-poyang* sejak kampung itu dipugar, kami meraikan merdeka dengan dua matlamat : rezeki dan ibadat.

Surau penuh sesak - kami menganjurkan majlis doa kesyukuran dan bacaan tahlil, khusus untuk orang yang sangat kami cintai. Kami selalu mengenangkan kata-katanya: Perihal lurusnya hati Melayu, berbudi cara Melayu bersahabat cara Melayu. Malah, segala debar cinta kepada bangsa dan negara. Kami sentiasa rindu akan kata-kata semangat anak muda itu "Tanah Melayu pasti merdeka!"

Dipetik daripada cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

GURINDAM HARI MERDEKA

Saban tahun merdeka disambut
Aman makmur negara berdaulat

Program dirangka aneka acara
Seluruh rakyat sambut bersama

Meriah perarakan di ibu kota
Tanda muafakat semua warganya

Silang sengketa tolak ke tepi
Wawasan disokong sepenuh hati

Merdeka bukan hanya di mulut
Gerakkan usaha buangkan kalut

Merdeka dijunjung daulat dijaga
Keamanan terpelihara selamatlah warga

Sumber : Mawar Chenor

Bahan 3

KAMPUNGKU DAN NIKMAT MERDEKA

Sesekali pulang ke kampung halaman
Masih segar menyinggahi ingatan
Tika menjelang ambang merdeka
Kibaran bendera sepanjang jalan
Anak kecil bernyanyi riang

Sesekali pulang ke kampung halaman
Terasa enak bersarapan pagi air teh tanpa susu
Ubi rebus atau roti tanpa keju
Berlaukkan ikan kering sayur pucuk paku
Betapa nikmat rasa semula jadi

Hidup dalam era modenisasi
Dilimpahi kemudahan serba serbi
Hasil jerih perjuangan pedih pengorbanan
Inilah nikmat kemerdekaan

Sumber Internet
Ehsan Jamily
Muar Johor

(i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud rangkai kata *warisan moyang-poyang*.

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan cara-cara masyarakat menyambut hari Kemerdekaan.

[4 *markah*]

(iii) Sambutan Hari Kebangsaan disambut pada tanggal 31 Ogos setiap tahun bagi mengenang jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan.

Pada pendapat anda, selain mengenang jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan, apakah kepentingan diadakan sambutan Hari Kebangsaan?

[3 *markah*]

(iv) Pihak sekolah telah menganjurkan pertandingan menghias kelas sempena bulan kebangsaan. Kelas anda akan menyertai pertandingan menghias kelas yang bertemakan ‘Sayangi Negaraku’. Namun, segelintir rakan anda tidak memberikan kerjasama.

Sebagai ketua kelas, apakah tindakan yang akan anda ambil bagi memastikan semua murid melibatkan diri?

[4 *markah*]

Soalan 8 : Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 *dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Farisha memejamkan mata lalu cuba duduk bersandar dengan selesa.Alia mula memicit-micit bahunya, kemudian tengkuk dan selepas itu beralih pula ke kepala. Rasa mengantuk mula menguasai Farisha. Sedikit demi sedikit persekitaran dirasakan semakin sunyi, dia cuma mendengar bunyi nafasnya sendiri. Jari-jemari ajaib Alia telah berjaya membawanya ke alam lena.

Apabila Farisha terlelap, dua jarum mudah lentur keluar daripada kepala kerusi dan mula mencucuk kiri dan kanan tengkuknya. Dia tidak sedar apa yang sedang berlaku. Tetapi beberapa saat kemudian terdengar ada suara memanggil-manggilnya.

"Saya!" Farisha menjawab dan kini dia dalam keadaan bawah sedar.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan perkara yang berlaku setelah Farisha terlelap?

[4 *markah*]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaimi Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Bebenang Emas, karya Khairudin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang boleh memberi pedoman kepada pembaca.

[6 *markah*]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 *markah*]

Soalan 9 : Rumusan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan perkataan anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 : Petikan

Kesenian dan kebudayaan merupakan dua entiti yang saling berkait rapat dan bergantungan antara satu sama lain. Di seluruh dunia, setiap masyarakat mempunyai identiti seni dan kebudayaannya yang tersendiri lantas membentuk keunikan cara hidup mereka. Jika diperhatikan, dalam usaha menyemarakkan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan Keluarga Malaysia, pelbagai aktiviti yang melibatkan bidang kesenian dan kebudayaan dianjurkan sempena sambutan kemerdekaan.

Kesenian dan kebudayaan seperti lagu dan filem mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan sesebuah masyarakat.Kelebihan kesenian dan kebudayaan antaranya dapat membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai identiti tersendiri. Oleh sebab itu, penjajah membawa masuk unsur kesenian dan kebudayaan mereka ke Tanah Melayu kerana kedua-dua unsur ini mampu mempengaruhi minda dan nilai masyarakat. Dalam proses menjadi sebuah negara maju, Malaysia tidak boleh hanya berkiblatkan sains dan teknologi semata-mata malah kerajaan sewajarnya memartabatkan kesenian dan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

Di negara kita, kedua-dua bidang ini mampu menyatukan masyarakat yang mempunyai persilangan budaya. Filem *Mat Kilau* telah membuktikan penerimaan luar biasa Keluarga Malaysia yang berunsurkan budaya masyarakat Melayu. Justeru, medium hiburan seperti filem perlu mengangkat nilai sejarah negara secara lebih kreatif agar dapat diterima oleh generasi kini. Pengisian sejarah yang diangkat secara ringan, santai dan kreatif dalam filem membolehkan kita lebih menghayati nilai seni dan budaya masyarakat tempatan. Selain itu, lagu-lagu berunsurkan kesenian dan kebudayaan mampu memupuk perpaduan melalui lirik dan iramanya. Semoga bidang kesenian dan kebudayaan ini mampu menjadi malar segar dan boleh diwarisi oleh generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Menyemarakkan Kesenian dan Kebudayaan Melalui Filem dan Lagu"
Oleh Amirah Syazwani, *Dewan* Budaya, 31Ogos 2022

Bahan 2 : Pantun

Bunga layu di dalam taman,
Bunga ditanam di kawasan gurun;
Seni Melayu jangan dilupakan,
Menjadi kebanggaan turun-temurun.

Burung camar di sawah padi,
Hinggap sebentar di tepi perigi;
Seni dan budaya perlu dipelajari,
Nilai murni dapat diwarisi.

Sumber : Internet

Bahan 3 : Grafik

KERTAS SOALAN TAMAT